



**PENGHARGAAN...** Amat Jutrah (kiri) menerima cenderamata daripada Shariff sambil diperhatikan Exco Kekaumas semasa kunjungan hormat tersebut.

JB/15/01/11/A2

## Kekaumas sokong dasar kerajaan, UMS

**LABUAN:** Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden dan Exco Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas), di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, pada Khamis.

Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih, bersama 17 anggota Exco turut

memaklumkan aktiviti dan peranan kesatuan itu terhadap kira-kira 700 ahli termasuk di kampusnya di sini.

Shariff berharap kesatuan itu akan terus menyokong dasar-dasar kerajaan dan UMS demi kebaikan kakitangan sokongan di universiti itu.

Katanya, sokongan dan kerjasama kepada pengurusan UMS terutama Naib Canselor, Brig Jen Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, dan Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, sangat diperlukan

agar misi dan visi UMS dapat direalisasikan oleh warga institusi pengajian tinggi itu.

“Kekaumas juga perlu menjalinkan kerjasama yang erat dengan pegawai utama dan kanan UMS, pensyarah serta kakitangan sokongan sendiri sebagai ahlinya,” katanya.

Shariff turut menasihatkan kakitangan sokongan supaya menjadi ahli Kekaumas agar segala permasalahan berkaitan perjawatan dapat ditangani dengan baik.